

## KERAJAAN GALAK PENGANJURAN MINGGU PENYELIDIKAN DAN INOVASI

**KUANTAN, 18 JULAI 2024** : Kerajaan Pahang akan sentiasa memberi sokongan dan galakan terhadap penganjuran Minggu Penyelidikan dan Inovasi anjuran Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (UnIPSAS).

Exco Kerajaan Tempatan, Perumahan, Alam Sekitar dan Teknologi Hijau Negeri Pahang, YB. Dato' Haji Mohammad Fakhruddin Mohd Ariff berkata, usaha ini perlu diteruskan sebagai platform kepada penyelidik dan '*innovator*' untuk mempamerkan pencapaian masing-masing bagi memacu bidang penyelidikan dan inovasi.

"Kerajaan Negeri bersempena Minggu Penyelidikan Dan Inovasi ini akan memastikan masa depan yang lebih baik kepada Kerajaan Negeri dan rakyat.

"InsyaaAllah Kerajaan Negeri akan memberi sokongan yang sehabis baik untuk menjadi negeri berjaya termasuklah UnIPSAS sebagai sebuah universiti yang berjaya pada masa hadapan," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Majlis Penutup Minggu Penyelidikan dan Inovasi 2024 Penyelidikan Berimpak Pemacu Transformasi Ummah yang diadakan di Dewan Sultan Ahmad Shah, UnIPSAS.

Turut hadir ialah Naib Canselor, Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (UnIPSAS), Profesor Dato' Dr Haji Mohd Zawavi Zainal Abidin.

Menerusi penganjuran Minggu Penyelidikan Dan Inovasi ini akan dapat menggalakkan penciptaan inovasi dengan nilai komersil tinggi sebagai penanda aras baharu seiring Revolusi Perindustrian 4.0 (IR4.0).

Penyelidik juga perlu mencipta program pembelajaran yang lebih baik menggunakan teknologi bagi meningkatkan kualiti pengajaran dan mengembangkan kaedah pengajaran inovatif. – **PAHANGMEDIA**

**Disediakan oleh Unit Komunikasi Strategik (UKS)**

**#MajuTerusPahang**

**#Pahang1st**

**#KerajaanNegeriPahang**

**Oleh : Fansurina Abdullah**

**Foto : Nurul Amylea Maisarah Abdul Halim**

**(LIPUTAN BERGAMBAR)**



